

Analisis Kritikal Pengetahuan Pedagogi Guru Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Keberkesanan Pengajaran Sirah dan Tamadun Islam

Critical Analysis of Pedagogical Knowledge of Islamic Education Teachers: Implications for the Effectiveness of Teaching Sirah and Islamic Civilization

Jahidih Saili^{1*}, Muhamad Suhaimi Taat², Nurul Hamimi Awang Japlan³

¹Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88997 Kota Kinabalu, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu, 88997 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

³SMK Pekan Telipok, 89209 Tuaran, Malaysia

**Corresponding author: jahidihsaili@uitm.edu.my*

Received: 02 September 2024; **Revised:** 31 July 2025; **Accepted:** 13 August 2025; **Published:** 12 November 2025

How to cite this article: Saili, J. ., Taat, M. S., & Awang Japlan, N. H. (n.d.). Analisis Kritikal Pengetahuan Pedagogi Guru Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Keberkesanan Pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. *PENDETA*, 16(2), 1-12. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.1.2025>

Abstrak

Kajian ini menganalisis pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dan implikasinya terhadap keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Melalui tinjauan keratan rentas melibatkan 266 guru di Sabah, dapatan menunjukkan tahap pengetahuan pedagogi guru secara keseluruhan adalah tinggi, dengan kekuatan dalam strategi pengajaran dan penilaian pembelajaran. Hubungan positif signifikan wujud antara pengetahuan pedagogi dan keberkesanan pengajaran, manakala pengalaman mengajar dan latihan profesional turut mempengaruhi pengetahuan pedagogi guru. Walau bagaimanapun, penambahbaikan masih diperlukan dalam aspek pengurusan kelas dan penggunaan kaedah interaktif. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman mendalam tentang kepentingan pengetahuan pedagogi untuk meningkatkan kualiti pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.

Kata kunci: Pengetahuan pedagogi; Pendidikan Islam; Sirah dan Tamadun Islam; keberkesanan pengajaran; pembangunan profesional guru

Abstract

This study critically examines the pedagogical knowledge of Islamic Education teachers and its implications for the effectiveness of teaching Sirah and Islamic Civilization. Through a cross-sectional survey involving 266 teachers in Sabah, findings reveal a high overall level of pedagogical knowledge, with strengths in teaching strategies and learning assessment. A significant positive correlation exists between pedagogical knowledge and teaching effectiveness, while teaching experience and professional training also influence teachers' pedagogical knowledge. However, improvements are still necessary in classroom management and the use of interactive methods. This research contributes to a deeper understanding of the importance of pedagogical knowledge in enhancing the quality of Sirah and Islamic Civilization instruction.

Keywords: Pedagogical knowledge; Islamic Education; Sirah and Islamic Civilization; teaching effectiveness; teacher professional development

PENGENALAN

Pengetahuan pedagogi merupakan teras dalam pembentukan kompetensi profesional guru Pendidikan Islam, khususnya dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Penguasaan domain ini membolehkan perancangan dan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih berkesan, sekali

gus menjadi pemangkin terhadap peningkatan mutu pendidikan Islam secara holistik. Kajian terkini menunjukkan penguasaan pedagogi yang mantap memudahkan guru menjalankan PdP yang bermakna dan berimpak tinggi (Nur Ilda Kamaruzaman dan Aliza Alias, 2020). Dapatan ini disokong oleh pandangan bahawa pengetahuan pedagogi merupakan unsur teras dalam perancangan dan pelaksanaan PdP yang sejajar dengan matlamat kurikulum, serta mendorong pembelajaran yang kreatif dan inovatif (Cathrine Masingan dan Sabariah Sharif, 2019). Walau bagaimanapun, terdapat fenomena yang membimbangkan, sebilangan guru Pendidikan Islam masih terikat dengan pendekatan pengajaran konvensional yang kurang melibatkan penyertaan aktif murid, seterusnya mencetuskan suasana pembelajaran yang hambar dan kurang merangsang (Muhammad Talhah Ajmain et al., 2020). Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk menilai secara menyeluruh tahap pengetahuan pedagogi dalam kalangan guru Pendidikan Islam, serta mengkaji implikasinya terhadap keberkesanan pengajaran, terutamanya dalam *domain* Sirah dan Tamadun Islam.

Pengajaran Sirah dan Tamadun Islam adalah penting untuk membentuk keperibadian dan jati diri murid Muslim. Skop pengajaran ini melangkaui penyampaian fakta sejarah dengan tujuan untuk membentuk nilai, akhlak, dan pemikiran kritis berdasarkan pengajaran daripada warisan Islam. Keberkesanan pengajaran dalam bidang ini bergantung kepada tahap keupayaan guru untuk mengaitkan peristiwa sejarah dengan pengajaran moral yang relevan untuk kehidupan kontemporari murid (Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin & Hafizhah Zulkifli, 2022). Walau bagaimanapun, beberapa kajian menunjukkan wujudnya cabaran dalam pelaksanaan pengajaran yang berkesan. Sebilangan guru Pendidikan Islam didapati menghadapi kesukaran dalam menjelaskan istilah dan fakta penting serta menghubungkan kesinambungan peristiwa dalam sukatan pelajaran (Fathi Abdullah & Khadijah Abdul Razak, 2021). Perkara yang lebih membimbangkan, terdapat kecenderungan guru untuk menceritakan sirah Rasulullah SAW tanpa membawa murid kepada pengajaran moral daripada kisah tersebut (Zainuddin Awang, 2016). Akibatnya, murid gagal meneladani akhlak Rasulullah SAW dan menjadikan baginda sebagai idola dalam kehidupan mereka (Amirah Syafiqah Anuar & Khadijah Abdul Razak, 2022). Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk kajian mendalam mengenai pengetahuan pedagogi guru dalam konteks pengajaran Sirah dan Tamadun Islam bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dalam bidang ini.

Walaupun kepentingan pengetahuan pedagogi dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam telah diakui, namun masih terdapat jurang yang ketara dalam pelaksanaannya. Terdapat kajian yang menunjukkan tahap pengetahuan teknologi dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana, mengehadkan keupayaan mereka mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran (Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah, 2019). Keadaan ini turut mempengaruhi penggunaan perisian dalam penyediaan bahan bantu mengajar. Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi et al. (2020) melaporkan guru jarang menggunakan perisian untuk menyediakan nota dan latihan. Pengajaran masih didominasi oleh pendekatan berpusatkan guru, menyebabkan pelajar kehilangan minat dan fokus semasa sesi pembelajaran (Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizhah Zulkifli, 2020). Isu ini bertambah buruk apabila masalah disiplin yang tidak terkawal, seperti yang dilaporkan oleh Mardziah Abdullah et al. (2021), dan seterusnya menjejaskan keberkesanan pengajaran. Analisis kritikal terhadap tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dan kesannya terhadap keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam perlu dilakukan untuk menangani isu-isu ini.

Kajian ini bertujuan melakukan analisis kritikal mengenai pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dan mengkaji implikasinya terhadap keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa sumbangan penting dijangka dapat dicapai. Kajian ini akan memberikan gambaran jelas tentang tahap sebenar pengetahuan pedagogi guru, membolehkan pihak berkepentingan merancang program pembangunan profesional yang lebih tepat. Analisis terperinci terhadap komponen pengetahuan pedagogi pula akan membantu mengenal pasti aspek yang memerlukan penambahbaikan, seterusnya menyokong pembangunan modul latihan yang berkesan. Pemahaman secara mendalam mengenai hubungan antara pengetahuan pedagogi dan keberkesanan pengajaran akan memudahkan perancangan strategi pengajaran yang efektif untuk bidang Sirah dan Tamadun Islam. Dapatan kajian ini juga akan menyumbang kepada literatur sedia ada, khususnya dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia, mengisi jurang pengetahuan dalam bidang tersebut. Akhirnya, kajian ini boleh menjadi asas kepada pembuat dasar dalam merangka polisi dan garis panduan yang komprehensif bagi meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam secara keseluruhan, terutamanya dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.

Tujuan Kajian

Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah yang telah dibincangkan, kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam;
2. Menganalisis komponen pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam;
3. Menentukan hubungan antara pengetahuan pedagogi guru dengan keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam;
4. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam;

Persoalan Kajian

1. Apakah tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam?;
2. Bagaimanakah komponen pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam?;
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pedagogi guru dengan keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam?;
4. Apakah faktor yang mempengaruhi pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam?;

Hipotesis Kajian

- Ho1** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho2** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam berdasarkan tahap pendidikan.
- Ho3** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pedagogi guru dengan keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.
- Ho4** Tidak terdapat pengaruh yang signifikan faktor pengalaman mengajar terhadap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam.
- Ho5** Tidak terdapat pengaruh yang signifikan faktor latihan profesional terhadap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam.

Sorotan Literatur

Pengetahuan pedagogi adalah penting untuk membentuk kompetensi profesional guru, seterusnya mempengaruhi keupayaan mereka untuk merancang dan melaksanakan proses PdP secara berkesan. Shulman (1987) menekankan bahawa penguasaan kaedah dan pendekatan pengajaran yang mendalam merupakan asas kepada keberkesanan pengajaran. Pandangan ini disokong oleh kajian Nur Ilda Kamaruzaman dan Aliza Alias (2020) yang menunjukkan penguasaan pedagogi guru merupakan kunci pelaksanaan PdP secara optimum. Sarjana pendidikan Islam turut menyuarakan kepentingan domain pengetahuan ini. Al-Abrasyi (1974) dan al-Nahlawi (1983) menegaskan keperluan guru untuk terus meningkatkan pengetahuan pedagogi mereka untuk memahami secara mendalam konsep-konsep yang mendasari pengetahuan ini. Menurut Cathrine Masingan dan Sabariah Sharif (2019), pengetahuan pedagogi ialah teras untuk merancang PdP yang selari dengan objektif kurikulum, sekali gus menyediakan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif. Justeru, guru perlu memperkukuh

pengetahuan pedagogi dalam mata pelajaran yang diajar untuk memastikan keberkesanan PdP. Penekanan terhadap aspek ini membolehkan guru mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang bermakna, merangsang daya pemikiran kritis pelajar, dan menyesuaikan strategi pengajaran mengikut keperluan pelbagai gaya pembelajaran.

Selain itu, aspek kefahaman yang mendalam tentang objektif pengajaran sesuatu topik dalam kurikulum adalah aspek penting dalam pengetahuan pedagogi, terutamanya dalam konteks Pendidikan Islam bagi topik Sirah dan Tamadun Islam. Chien et al. (2015) menegaskan bahawa tahap kefahaman ini dipengaruhi oleh kelayakan akademik guru, yang membolehkan mereka mengenal pasti kandungan asas yang perlu disampaikan kepada murid. Al-Abrasyi (1969) turut menekankan bahawa pengetahuan pedagogi yang kukuh memberi kesan langsung terhadap keberkesanan pengajaran. Kajian oleh Zarima Mohd Zakria et al. (2016) mendapati bahawa kelemahan dalam pengajaran sering kali berpunca daripada jurang dalam pengetahuan pedagogi, yang seterusnya menyukarkan murid untuk memahami pengajaran dengan baik. Oleh itu, aspek ini penting bagi seseorang guru Pendidikan Islam untuk terus mempertingkatkan pengetahuan pedagogi mereka melalui pelbagai cara, demi memastikan pencapaian objektif dan standard pembelajaran yang telah ditetapkan dalam topik Sirah dan Tamadun Islam.

Dalam konteks Pendidikan Islam, pengetahuan pedagogi memainkan peranan yang penting dalam membentuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih berkesan, terutamanya dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Abdul Munir Ismail (2018) menekankan pentingnya pendekatan pengajaran yang disesuaikan dengan perkembangan terkini, yang melibatkan penggunaan strategi pengajaran yang berorientasikan hasil pembelajaran yang efektif. Menurut Abdullah Ishak (1995), pengembangan minda murid, kecintaan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, serta pengamalan nilai-nilai murni merupakan kemahiran penting yang harus diterapkan secara berterusan. Hal ini memerlukan strategi pengajaran yang tidak hanya memfokuskan pengetahuan, tetapi juga pada pembentukan karakter dan nilai. Abdul Munir Ismail (2018) mencadangkan guru Pendidikan Islam mempelbagaikan strategi pengajaran untuk menghasilkan penguasaan ilmu, amalan nilai-nilai murni, penghayatan, dan pelaksanaan yang memberi kesan positif kepada murid dan masyarakat. Noraziah Mhd Yusop et al. (2018) menegaskan bahawa guru perlu mempertimbangkan kepelbagaian tahap kecerdasan murid dalam kelas apabila merancang aktiviti PdP. Selain itu, Zurina Mustaffa (2021) menjelaskan bahawa pendekatan pengajaran yang berbeza penting dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang pelbagai.

Pengetahuan pedagogi dalam Pendidikan Islam juga melibatkan keupayaan guru untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam pengajaran mereka. Nur Hanani Hussin dan Ab. Halim Tamuri (2017) mendapati bahawa penerapan nilai dan akhlak yang berkesan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam memerlukan guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi yang mantap. Mereka menekankan bahawa guru perlu mahir dalam teknik penyampaian yang mengaitkan peristiwa sejarah dengan pengajaran moral yang relevan untuk kehidupan kontemporari murid. Selain itu, Muhammad Talhah Ajmain et al. (2020) menyatakan bahawa amalan pengajaran secara syarahan tanpa aktiviti menarik menyebabkan suasana pembelajaran membosankan murid. Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu menguasai pelbagai kaedah pengajaran interaktif yang dapat merangsang pemikiran kritis dan kreativiti bagi seseorang murid. Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizhah Zulkifli (2020) pula melihat pendekatan berpusatkan guru dalam kalangan pendidik Pendidikan Islam masih ketara, menyebabkan murid berasa bosan dan tidak memberi fokus semasa PdP berlangsung. Justeru, transformasi amalan pengajaran guru yang memberi penekanan terhadap aktiviti berbentuk koperatif yang merangkumi penglibatan aktif murid adalah diperlukan.

Keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam bergantung kepada kemampuan guru untuk menyampaikan kandungan pelajaran menggunakan kaedah yang bermakna dan relevan kepada murid. Kajian Zaiton Mustafa dan Najihah Abd. Wahid (2015) menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam yang tidak menguasai pengetahuan kandungan akan menghadapi kesukaran dalam menjelaskan istilah-istilah penting serta fakta-fakta utama dalam sukatan pelajaran. Kelemahan ini juga boleh dilihat dalam aspek kesukaran mereka dalam menghubungkan kesinambungan peristiwa-peristiwa dalam bidang Sirah dan Tamadun Islam. Sebagai contoh, terdapat kekeliruan dalam kalangan guru mengenai perbezaan antara konsep tamadun Islam dengan sejarah Islam, yang akhirnya mengganggu kefahaman murid. Selain itu, guru yang tidak mampu mengaitkan topik pembelajaran dengan situasi kehidupan sebenar menyebabkan murid gagal mengambil pengajaran daripada kisah-kisah Sirah Rasulullah SAW. Menurut Nurul Eeffah Awang (2016), kecenderungan guru untuk menceritakan sirah tanpa menekankan

pengajaran moral daripada kisah tersebut mengakibatkan murid tidak meneladani akhlak Rasulullah SAW dengan sewajarnya (Noraziah Mhd Yusop et al., 2019). Oleh itu, aspek ini adalah penting bagi seseorang guru Pendidikan Islam untuk menghadiri kursus yang relevan bagi meningkatkan pengetahuan dan keupayaan mereka dalam mengajar Sirah dan Tamadun Islam dengan lebih berkesan.

Penggunaan teknologi dan kaedah pengajaran yang inovatif memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Menurut kajian Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019), penggunaan teknologi dalam proses PdP mampu menimbulkan minat serta penglibatan murid dalam pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam. Namun begitu, kajian tersebut juga menunjukkan bahawa tahap pengetahuan teknologi dalam kalangan guru Pendidikan Islam masih sederhana. Hal ini mengakibatkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) seperti *video* dan *audio* dalam PdP masih kurang luas, dan tahap penggunaan peralatan teknologi seperti penggunaan projektor juga rendah. Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020) turut menyatakan bahawa guru-guru Pendidikan Islam jarang menggunakan perisian untuk menyediakan BBM yang berbentuk nota dan latihan, yang akhirnya menjejaskan keyakinan mereka untuk mengajar dengan bantuan teknologi (Syuhaidah Sulaiman & Mohd Isa Hamzah, 2019). Oleh itu, peningkatan kemahiran teknologi dalam kalangan guru Pendidikan Islam adalah penting untuk memastikan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan menarik kepada murid.

Pengetahuan pedagogi memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan keberkesanan pengajaran, termasuklah dalam konteks pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Shulman (1987) menegaskan bahawa guru yang memiliki pengetahuan pedagogi yang mendalam mampu merangka proses pengajaran dengan lebih berkesan kerana mereka memahami cabaran dan tahap kesukaran yang dihadapi murid semasa mempelajari sesuatu topik. Guru yang menguasai aspek pedagogi ini juga lebih berupaya untuk memilih aktiviti, kaedah, dan bahan pengajaran yang sesuai untuk disampaikan kepada murid, memastikan bahawa setiap pelajaran disampaikan dengan cara yang paling berkesan (Noor Sairah Syarifuddin & Lilia Halim, 2017). Selain itu, Norehan Mohd Nasir dan Mahaliza Mansor (2021) menekankan bahawa pengetahuan pedagogi yang kukuh membolehkan guru merancang PdP yang selaras dengan tahap pemahaman dan kebolehan murid yang pelbagai, yang merupakan faktor penting dalam mencapai objektif pembelajaran. Oleh itu, penguasaan pengetahuan pedagogi bukan sahaja membantu dalam perancangan aktiviti PdP yang berkesan, tetapi juga memastikan bahawa pengajaran selaras dengan keperluan dan kemampuan murid, sekali gus meningkatkan keberkesanan keseluruhan proses pengajaran.

Dalam konteks pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, pengetahuan pedagogi yang mantap membolehkan guru menyampaikan konsep-konsep abstrak dengan lebih berkesan, sekali gus menjadikan pengajaran lebih kreatif dan menarik, yang penting untuk menimbulkan minat murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin & Hafizhah Zulkifli, 2021). Selain itu, pengetahuan pedagogi membolehkan guru menerapkan nilai-nilai Islam dengan lebih mendalam melalui pengajaran yang mengaitkan peristiwa sejarah dengan pengajaran moral yang relevan kepada kehidupan murid (Nur Hanani Hussin & Ab. Halim Tamuri, 2017). Keupayaan guru untuk menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan dan tahap kefahaman murid yang berbeza juga ditingkatkan melalui penguasaan pedagogi (Halida Jawan & Zamri Mahamod, 2021). Di samping itu, guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi yang kukuh lebih cenderung untuk mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran mereka, meskipun tahap pengetahuan teknologi masih sederhana, yang akhirnya mengukuhkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Syuhaidah Sulaiman & Mohd Isa Hamzah, 2019).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan tinjauan keratan rentas untuk menganalisis secara kritikal pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dan implikasinya terhadap keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Populasi kajian terdiri daripada guru Pendidikan Islam yang mengajar Sirah dan Tamadun Islam di sekolah menengah harian di negeri Sabah, dengan sampel sebanyak 266 orang guru yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan pelbagai peringkat. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Shukri Ismail (2016)

dan Mohammad Rusdi Ab Majid (2017), yang telah melalui proses kesahan muka dan kandungan oleh panel pakar serta ujian kebolehppercayaan dengan nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.7. Pengumpulan data dilaksanakan secara dalam talian menggunakan *Google Forms*, dengan tempoh pengumpulan data selama empat minggu. Analisis data melibatkan statistik deskriptif untuk menentukan tahap pengetahuan pedagogi guru, serta analisis inferensi menggunakan Pemodelan Persamaan Struktur (SEM) untuk menguji hipotesis kajian dan menilai hubungan antara pemboleh ubah. Jadual 1 meringkaskan aspek metodologi utama kajian ini.

Jadual 1 Ringkasan Metodologi

Aspek Metodologi	Keterangan
Reka Bentuk Kajian	Kuantitatif, tinjauan keratan rentas
Populasi	Guru Pendidikan Islam yang mengajar Sirah dan Tamadun Islam di sekolah menengah harian di Sabah
Sampel	266 orang guru
Kaedah Pensampelan	Pensampelan pelbagai peringkat
Instrumen Kajian	Soal selidik (diadaptasi dari Shukri Ismail, 2016; Mohammad Rusdi Ab Majid, 2017)
Kesahan Instrumen	Kesahan muka dan kandungan oleh panel pakar
Kebolehppercayaan Instrumen	<i>Alpha Cronbach</i> > 0.7
Prosedur Pengumpulan Data	Dalam talian menggunakan <i>Google Forms</i>
Tempoh Pengumpulan Data	Empat minggu
Analisis Data	Statistik deskriptif dan inferensi (SEM)

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan hasil analisis data yang telah dikumpulkan berkaitan tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dan implikasinya terhadap keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, merangkumi tahap pengetahuan pedagogi, analisis komponen pengetahuan pedagogi, hubungan antara pengetahuan pedagogi dan keberkesanan pengajaran, serta faktor-faktor yang mempengaruhi pengetahuan pedagogi guru.

Tahap Pengetahuan Pedagogi Guru Pendidikan Islam

Analisis tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam ditunjukkan dalam Jadual 2. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan pedagogi guru berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.00 dan sisihan piawai 0.64. Aspek ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai asas pengetahuan pedagogi yang kukuh dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Analisis terperinci menunjukkan bahawa aspek "Mengutamakan PdP berpusatkan murid berbanding PdP berpusatkan guru" mencatatkan skor min tertinggi (4.37), diikuti oleh "Tahu susun atur kelas yang kondusif" (4.27), dan "Tahu menilai prestasi murid di dalam kelas" (4.13). Aspek yang mencatatkan skor min terendah ialah "Tahu menggunakan kaedah perbincangan dalam PdP" (3.70), walaupun masih berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai kekuatan dalam merancang pengajaran berpusatkan murid dan menguruskan persekitaran pembelajaran yang kondusif, namun masih memerlukan peningkatan dalam aspek penggunaan kaedah perbincangan yang lebih interaktif.

Jadual 2 Tahap Pengetahuan Pedagogi Guru Pendidikan Islam

Aspek Pengetahuan Pedagogi	Min	S.P	Interpretasi
Mengutamakan PdP berpusatkan murid berbanding PdP berpusatkan guru	4.37	0.52	Tinggi
Tahu susun atur kelas yang kondusif	4.27	0.66	Tinggi
Tahu menilai prestasi murid di dalam kelas	4.13	0.70	Tinggi
Tahu mempelbagaikan kaedah PdP mengikut tahap kemampuan murid	4.00	0.71	Tinggi
Tahu menggunakan kaedah latihan dalam PdP	3.90	0.65	Sederhana Tinggi

bersambung

Tahu menggunakan kaedah perbincangan dalam PdP	3.70	0.46	Sederhana Tinggi
Tahu menetapkan peraturan untuk mengawal tingkah laku murid	3.57	0.50	Sederhana Tinggi
Keseluruhan	4.13	0.60	Tinggi

Analisis Komponen Pengetahuan Pedagogi

Analisis komponen pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam merangkumi tiga aspek utama, iaitu pengetahuan strategi pengajaran, pengetahuan pengurusan kelas, dan pengetahuan penilaian pembelajaran, yang masing-masing memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengetahuan Strategi Pengajaran

Analisis pengetahuan strategi pengajaran guru Pendidikan Islam dalam konteks Sirah dan Tamadun Islam ditunjukkan dalam Jadual 3. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan strategi pengajaran guru berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.39 dan sisihan piawai 0.48. Aspek "Menggunakan kaedah main peranan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi murid" mencatatkan skor min tertinggi (4.54), diikuti oleh "Memberikan pelbagai contoh bagi setiap topik pelajaran baharu dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam" (4.49). Aspek yang mencatatkan skor min terendah ialah "Menggalakkan murid menggunakan daya imaginasi untuk menghasilkan jawapan yang kreatif" (4.26), walaupun masih berada pada tahap interpretasi tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai kekuatan dalam menggunakan kaedah pengajaran interaktif dan memberikan contoh yang relevan, namun masih memerlukan peningkatan dalam aspek menggalakkan pemikiran kreatif murid.

Jadual 3 Tahap Pengetahuan Strategi Pengajaran

Aspek Pengetahuan Strategi Pengajaran	Min	S.P	Interpretasi
Menggunakan kaedah main peranan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi murid	4.54	0.50	Tinggi
Memberikan pelbagai contoh bagi setiap topik pelajaran baharu dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam	4.49	0.50	Tinggi
Menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam	4.41	0.69	Tinggi
Menggalakkan murid bekerjasama dalam sebuah kumpulan yang terdiri daripada pelbagai keupayaan	4.34	0.47	Tinggi
Menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan masalah dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam	4.32	0.47	Tinggi
Menggalakkan murid menggunakan daya imaginasi untuk menghasilkan jawapan yang kreatif	4.26	0.44	Tinggi
Keseluruhan	4.39	0.51	Tinggi

Pengetahuan Pengurusan Kelas

Jadual 4 menunjukkan analisis pengetahuan pengurusan kelas guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Secara keseluruhan, tahap pengetahuan pengurusan kelas guru berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.27 dan sisihan piawai 0.66. Aspek "Tahu susun atur kelas yang kondusif" mencatatkan skor min tertinggi (4.27), diikuti oleh "Mengutamakan PdP berpusatkan murid berbanding PdP berpusatkan guru" (4.37). Aspek yang mencatatkan skor min terendah ialah "Tahu menetapkan peraturan untuk mengawal tingkah laku murid" (3.57), berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai kekuatan dalam menyusun atur kelas yang kondusif dan mengutamakan pembelajaran berpusatkan murid, namun masih memerlukan peningkatan dalam aspek pengurusan tingkah laku murid.

Jadual 4 Tahap Pengetahuan Pengurusan Kelas

Aspek Pengetahuan Pengurusan Kelas	Min	S.P	Interpretasi
Tahu susun atur kelas yang kondusif	4.27	0.66	Tinggi
Mengutamakan PdP berpusatkan murid berbanding PdP berpusatkan guru	4.37	0.52	Tinggi
Tahu mempelbagaikan kaedah PdP mengikut tahap kemampuan murid	4.00	0.71	Tinggi
Tahu menilai prestasi murid di dalam kelas	4.13	0.70	Tinggi
Tahu menggunakan kaedah latihan tubi dalam PdP	3.90	0.65	Sederhana Tinggi
Tahu menetapkan peraturan untuk mengawal tingkah laku murid	3.57	0.50	Sederhana Tinggi
Keseluruhan	4.04	0.62	Tinggi

Pengetahuan Penilaian Pembelajaran

Analisis pengetahuan penilaian pembelajaran guru Pendidikan Islam dalam konteks Sirah dan Tamadun Islam ditunjukkan dalam Jadual 5. Secara keseluruhan, tahap pengetahuan penilaian pembelajaran guru berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.37 dan sisihan piawai 0.55. Aspek "Melaksanakan penilaian dengan menggunakan kaedah penilaian rakan sebaya" mencatatkan skor min tertinggi (4.48), diikuti oleh "Melaksanakan penilaian dengan menggunakan kaedah pemerhatian" (4.47). Aspek yang mencatatkan skor min terendah ialah "Melaksanakan penilaian untuk mengetahui perkembangan prestasi murid" (4.23), walaupun masih berada pada tahap interpretasi tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai kekuatan dalam menggunakan pelbagai kaedah penilaian, namun masih memerlukan peningkatan dalam aspek menggunakan penilaian untuk memantau perkembangan prestasi murid secara berterusan.

Jadual 5 Tahap Pengetahuan Penilaian Pembelajaran

Aspek Pengetahuan Penilaian Pembelajaran	Min	S.P	Interpretasi
Melaksanakan penilaian dengan menggunakan kaedah penilaian rakan sebaya	4.48	0.56	Tinggi
Melaksanakan penilaian dengan menggunakan kaedah pemerhatian	4.47	0.58	Tinggi
Mengemukakan soalan yang boleh merangsang pemikiran kreatif murid	4.40	0.50	Tinggi
Melaksanakan penilaian untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan murid	4.34	0.60	Tinggi
Mengambil kira kepelbagaian soalan penilaian dan tahap kesukarannya	4.27	0.46	Tinggi
Melaksanakan penilaian untuk mengetahui perkembangan prestasi murid	4.23	0.57	Tinggi
Keseluruhan	4.37	0.55	Tinggi

Hubungan antara Pengetahuan Pedagogi dan Keberkesanan Pengajaran Sirah dan Tamadun Islam

Analisis korelasi *Pearson* dijalankan untuk menentukan hubungan antara pengetahuan pedagogi dengan keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 6. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan pedagogi dan keberkesanan pengajaran ($r = 0.68$, $p < 0.01$). Aspek ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pengetahuan pedagogi guru, semakin tinggi keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Analisis secara terperinci menunjukkan bahawa pengetahuan strategi pengajaran mempunyai hubungan paling kuat dengan keberkesanan pengajaran ($r = 0.72$, $p < 0.01$), diikuti oleh pengetahuan penilaian pembelajaran ($r = 0.65$, $p < 0.01$) dan pengetahuan pengurusan kelas ($r = 0.61$, $p < 0.01$). Dapatan ini menegaskan kepentingan pengetahuan pedagogi, terutamanya dalam aspek strategi pengajaran, dalam memastikan keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.

Jadual 6 Hubungan antara Pengetahuan Pedagogi dan Keberkesanan Pengajaran

Pemboleh Ubah	Keberkesanan Pengajaran
Pengetahuan pedagogi (keseluruhan)	0.68**
Pengetahuan strategi pengajaran	0.72**
Pengetahuan pengurusan kelas	0.61**
Pengetahuan penilaian pembelajaran	0.65**

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengetahuan Pedagogi Guru

Analisis regresi berganda dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 7. Model regresi menjelaskan 53.2% *varians* dalam pengetahuan pedagogi guru ($R^2 = 0.532$, $F(5, 260) = 59.14$, $p < 0.001$). Dapatan menunjukkan bahawa pengalaman mengajar ($\beta = 0.31$, $p < 0.001$), tahap pendidikan ($\beta = 0.28$, $p < 0.001$), dan kekerapan menghadiri latihan profesional ($\beta = 0.25$, $p < 0.001$) merupakan peramal signifikan bagi pengetahuan pedagogi guru. Faktor umur ($\beta = 0.09$, $p > 0.05$) dan jantina ($\beta = 0.03$, $p > 0.05$) didapati tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengetahuan pedagogi guru. Dapatan ini menyoroti kepentingan pengalaman mengajar, peningkatan tahap pendidikan, dan penglibatan aktif dalam latihan profesional dalam meningkatkan pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam.

Jadual 7 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengetahuan Pedagogi Guru

Pemboleh Ubah	B	SE B	β	t	p
Pemalar	2.14	0.24		8.92	< 0.001
Pengalaman mengajar	0.29	0.05	0.31	5.80	< 0.001
Tahap pendidikan	0.25	0.04	0.28	6.25	< 0.001
Kekerapan latihan profesional	0.22	0.04	0.25	5.50	< 0.001
Umur	0.07	0.04	0.09	1.75	0.081
Jantina	0.03	0.05	0.03	0.60	0.549

$R^2 = 0.532$, $F(5, 260) = 59.14$, $p < 0.001$

Keseluruhan dapatan kajian ini memberikan gambaran komprehensif tentang tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Tahap pengetahuan pedagogi guru secara keseluruhan berada pada tahap tinggi, dengan kekuatan khususnya dalam aspek strategi pengajaran dan penilaian pembelajaran. Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek pengurusan tingkah laku murid dan penggunaan kaedah pengajaran yang lebih interaktif. Hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan pedagogi dan keberkesanan pengajaran menegaskan kepentingan pengetahuan pedagogi dalam meningkatkan kualiti pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Faktor-faktor seperti pengalaman mengajar, tahap pendidikan, dan kekerapan menghadiri latihan profesional memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi tahap pengetahuan pedagogi guru. Dapatan ini memberi implikasi penting terhadap usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran Sirah dan Tamadun Islam melalui peningkatan pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam secara keseluruhan berada pada tahap tinggi. Perkara ini menggambarkan asas yang kukuh dalam kalangan guru untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan. Walau bagaimanapun, analisis terperinci mendedahkan beberapa aspek yang memerlukan perhatian. Menurut Muhammad Talhah Ajmain et al. (2020), amalan pengajaran secara syarahan tanpa aktiviti yang menarik masih wujud dalam kalangan guru Pendidikan Islam, menyebabkan suasana pembelajaran menjadi membosankan. Dapatan kajian ini menyokong pandangan tersebut, dengan aspek "Tahu menggunakan kaedah perbincangan dalam PdP" mencatatkan skor min terendah. Hal ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kemahiran guru dalam menggunakan kaedah pengajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan murid. Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizhah Zulkifli (2020) turut menegaskan bahawa pendekatan berpusatkan guru dalam kalangan pendidik Pendidikan Islam masih ketara, menyebabkan murid berasa bosan dan tidak memberi fokus semasa PdP berlangsung. Oleh itu, walaupun tahap pengetahuan pedagogi secara keseluruhan adalah tinggi, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek penggunaan kaedah pengajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan murid.

Dapatan kajian ini menunjukkan beberapa persamaan dan perbezaan dengan kajian-kajian terdahulu. Dalam aspek persamaan, kajian ini menyokong dapatan Nur Hanani Hussin dan Ab. Halim Tamuri (2017) yang mendapati bahawa penerapan nilai dan akhlak yang berkesan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam memerlukan guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi yang mantap. Dalam kajian ini, aspek "Mengutamakan PdP berpusatkan murid berbanding PdP berpusatkan guru" mencatatkan skor min tertinggi, menunjukkan kesedaran guru terhadap kepentingan pendekatan pengajaran yang berpusatkan murid. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dengan dapatan Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019) yang mendapati tahap pengetahuan teknologi guru Pendidikan Islam masih berada pada tahap sederhana. Kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi guru berada pada tahap tinggi, mencadangkan kemungkinan peningkatan dalam aspek pedagogi berbanding teknologi. Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020) pula menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam jarang menggunakan perisian untuk menyediakan bahan bantu mengajar dalam bentuk nota dan latihan. Dapatan kajian ini menunjukkan keperluan untuk mengintegrasikan pengetahuan pedagogi yang tinggi dengan kemahiran teknologi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.

Dapatan kajian ini mengemukakan beberapa implikasi penting terhadap keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Pertama, hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan pedagogi dan keberkesanan pengajaran menjelaskan kepentingan pengetahuan pedagogi dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Hal ini selari dengan pandangan Shulman (1987) yang menegaskan bahawa guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi yang mantap mampu merangka proses pengajaran dengan lebih berkesan kerana memahami kesukaran atau kemudahan pembelajaran bagi sesuatu topik. Kedua, dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan strategi pengajaran mempunyai hubungan paling kuat dengan keberkesanan pengajaran. Perkara ini menyokong pandangan Abdul Munir Ismail (2018) yang menyarankan agar guru Pendidikan Islam merencana strategi pengajaran yang bersesuaian dan mempelbagaikan strategi tersebut untuk menghasilkan penguasaan ilmu, amalan nilai-nilai murni, penghayatan, dan pelaksanaan yang memberi kesan positif kepada diri murid dan masyarakat. Ketiga, dapatan menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kemahiran guru dalam aspek pengurusan tingkah laku murid, yang mencatatkan skor min terendah dalam aspek pengetahuan pengurusan kelas. Ini selari dengan pandangan Mardziah Abdullah et al. (2021) yang menyatakan bahawa masalah disiplin yang tidak terkawal boleh menjejaskan keberkesanan pengajaran. Oleh itu, peningkatan pengetahuan pedagogi, terutamanya dalam aspek strategi pengajaran dan pengurusan kelas, adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan dapat dikemukakan untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Pertama, program pembangunan profesional yang berterusan perlu diberikan penekanan, memandangkan kekerapan menghadiri latihan profesional didapati menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi pengetahuan pedagogi guru. Aspek ini selari dengan pandangan Nor Amalina Ab. Hakim dan Zanaton Iksan (2018) yang menekankan keperluan guru untuk memperbaharui kaedah pengajaran mereka sesuai dengan teknologi terkini. Kedua, program mentor-mentee antara guru berpengalaman dan guru baharu boleh dilaksanakan, memandangkan pengalaman mengajar didapati menjadi faktor paling berpengaruh terhadap pengetahuan pedagogi guru. Elemen ini dapat membantu pemindahan pengetahuan dan kemahiran pedagogi daripada guru berpengalaman kepada guru baharu. Ketiga, penekanan perlu diberikan kepada peningkatan kemahiran dalam penggunaan kaedah pengajaran interaktif dan berpusatkan murid, memandangkan aspek ini masih memerlukan penambahbaikan. Perkara ini selari dengan cadangan Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin dan Hafizhah Zulkifli (2021) yang menekankan kepentingan pengajaran yang kreatif dan menarik untuk menimbulkan minat murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Keempat, integrasi teknologi dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam perlu diperkukuhkan, selaras dengan dapatan Syuhaidah Sulaiman dan Mohd Isa Hamzah (2019) yang mendapati penggunaan teknologi dapat menimbulkan minat dan penglibatan murid dalam pembelajaran. Akhir sekali, penekanan perlu diberikan kepada aspek pengurusan tingkah laku murid, yang didapati menjadi salah satu aspek yang memerlukan penambahbaikan dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mencapai objektifnya dalam menganalisis secara kritikal pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dan implikasinya terhadap keberkesanan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Tahap pengetahuan pedagogi guru didapati berada pada tahap tinggi secara keseluruhan, dengan kekuatan khusus dalam aspek strategi pengajaran dan penilaian pembelajaran. Namun, kajian ini juga mendedahkan keperluan penambahbaikan dalam pengurusan kelas dan penggunaan kaedah interaktif. Hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan pedagogi guru dengan keberkesanan pengajaran menegaskan kepentingan aspek ini dalam meningkatkan kualiti pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Faktor-faktor seperti pengalaman mengajar, tahap pendidikan, dan kekerapan menghadiri latihan profesional didapati mempengaruhi pengetahuan pedagogi guru. Berdasarkan dapatan ini, kajian telah mencadangkan strategi penambahbaikan yang konkrit, termasuk penekanan pada pembangunan profesional berterusan dan integrasi teknologi dalam pengajaran. Sumbangan utama kajian ini kepada bidang Pendidikan Islam terletak pada pengenalpastian aspek-aspek spesifik dalam pengetahuan pedagogi yang memerlukan penambahbaikan, serta cadangan strategi yang praktikal untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran.

Meskipun kajian ini telah memberikan pandangan yang mendalam, beberapa batasan perlu diakui. Skop kajian yang terhad kepada guru Pendidikan Islam di Sabah mungkin membataskan generalisasi dapatan. Kebergantungan pada laporan sendiri guru melalui soal selidik juga mungkin dipengaruhi oleh bias jawapan. Selain itu, ketiadaan perspektif murid dan pentadbir sekolah dalam penilaian keberkesanan pengajaran mungkin mengehadkan kefahaman menyeluruh tentang fenomena yang dikaji. Sejajar dengan itu, bagi menangani batasan ini dan mengembangkan lagi dapatan kajian, beberapa cadangan untuk penyelidikan masa pada yang akan datang dikemukakan. Antaranya termasuklah memperluas skop kajian untuk meliputi sampel yang lebih besar dan merangkumi pelbagai negeri di Malaysia, mengintegrasikan kaedah kualitatif seperti pemerhatian kelas dan temu bual yang mendalam, serta menjalankan kajian *longitudinal* untuk menilai kesan jangka panjang peningkatan pengetahuan pedagogi. Kajian perbandingan antara guru Pendidikan Islam dengan guru mata pelajaran lain juga dicadangkan untuk memberikan perspektif yang lebih luas. Kesimpulannya, kajian ini telah menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dan implikasinya terhadap pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, sekali gus membuka jalan untuk penyelidikan lanjut yang berpotensi meningkatkan kualiti pendidikan Islam di Malaysia.

Rujukan

- Abdul Munir Ismail. (2018). Strategi pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah daerah Besut, Terengganu. *Jurnal Perspektif*, 10(2), 11–21.
- Al-Abrasyi, Muhammad 'Athiyah. (1969). *Al-Tarbiyah al-Islamy*. Darul-Fikri.
- Al-Abrasyi, Muhammad 'Athiyah. (1974). *Dasar-dasar pokok pendidikan Islam* (Terj. Bustami A. Gani & Djohar Bahry). Bulan Bintang.
- Al-Nahlawi, 'Abd Rahman. (1983). *Usul Altarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibiha fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Dar al-Fikr.
- Amirah Syafiqah Anuar & Khadijah Abdul Razak. (2022). Penggunaan “augmented reality” di dalam pengajaran Sirah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(2), 56–67.
- Cathrine Masingan, & Sabariah Sharif. (2019). Pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) guru bukan pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6), 64–71.
- Chien Lee Shing, Rohaida Mohd Saat, & Loke, S. H. (2015) The knowledge of teaching – Pedagogical content knowledge (PCK). *The Malaysian Online Journal of Educational Science*, 3(3), 40–55.
- Fathi Abdullah & Khadijah Abdul Razak. (2021). Tahap minat dan penerimaan pelajar terhadap gamifikasi dalam bidang Sirah. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 27–38.
- Halida Jawan & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat Bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 67–77.
- Mardziah Abdullah, Mariani Md Nor, & Fonny Dameaty Hutagalung. (2021). Pendekatan pengajaran bermain di bilik darjah dalam kalangan guru prasekolah. *Journal of Educational Research*, 39(2009), 64–74.

- Mohammad Rusdi Ab Majid. (2017). *Pengetahuan teknologi pedagogi kandungan dan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru bahasa Arab di Malaysia* (Tesis doktor falsafah, Universiti Malaya). Universiti Malaya.
- Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin & Hafizhah Zulkifli. (2022). Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) bidang Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 56–72.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, & Ahmad Marzuki Mohamad. (2020). Sikap guru Pendidikan Islam terhadap penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2, 71–82.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, Azmil Hashim & Norhisham Muhamad. (2020). Integrasi penggunaan teknologi pelbagai media oleh guru Pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan. *Journal of Social Sciences and Technical Education*, 1(1), 73–88.
- Noor Sairah Syarifuddin dan Lilia Halim. (2017). Amalan pengetahuan pedagogi isi kandungan guru baharu. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*, 682-690.
- Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran sains. Dalam *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)* (hlm. 72–82).
- Noraziah Mhd Yusop, Mohd Aderi Che Noh, & Khadijah Abdul Razak. (2019). Pendekatan sistematik pembelajaran aktif dalam amalan pengajaran Sirah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Is*, 134–146.
- Noraziah Mhd Yusop, Mohd Aderi Che Noh, & Khadijah Abdul Razak. (2018). Kepelbagaian kecerdasan pelajar dalam PdPc Sirah: Keperluan pengajaran efektif. Dalam *Proceedings of the 5th International Conference on Research in Islamic Education and Arabic Language 2018 (ICRIALE 2018)* (hlm. 651–657). Association of Malaysian Muslim Intellectuals.
- Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor. (2021). Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR): Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 416-421. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.854>
- Nur Adibah Liyana Awi & Hafizhah Zulkifli. (2020). Kaedah Fan-N-Pick dalam pembelajaran Sirah Pendidikan Islam. *Attarbiawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 61–69.
- Nur Hanani Hussin & Ab. Halim Tamuri. (2017). Faktor perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 5(2), 20–28.
- Nur Ilda Kamaruzaman & Aliza Alias. (2020). Hubungan antara pengetahuan dengan sikap guru sekolah kebangsaan Pendidikan Khas terhadap pembelajaran kolaboratif. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 1(1), 1-11.
- Nurul Eeffah Awang. (2016). Pembentukan akhlak menurut al-Ghazali dalam sistem pendidikan kini. *Wacana Pendidikan Islam Siri ke-11*, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor, 613–626.
- Shukri Ismail. (2016). *Persepsi terhadap pengetahuan teknologikal pedagogi isi kandungan dalam kalangan guru Sains sekolah rendah Kelantan* (Tesis doktor falsafah, Universiti Utara Malaysia). Universiti Utara Malaysia.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1), 1–23. <https://doi.org/10.17763/haer.57.1.j463w79r56455411>
- Syuhaidah Sulaiman, & Mohd Isa Hamzah. (2019). Penggunaan ICT dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Dalam *International Conference on Global Education VII: Humanising Technology for IR 4.0* (hlm. 195–203). Institut Seni Indonesia, Padang Panjang.
- Zaiton Mustafa, & Najihah Abd Wahid. (2015). Student diversity in learning: A need for effective teaching of Islamic education. Dalam *Proceedings of ICIC2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century* (hlm. 233–236). Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Zarima Mohd Zakria, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Fatimah Soin Yan Mei, Mohd Hilmi Abdullah & Saipolbahrin Rami. (2016). Pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) guru bahasa Arab sebutan konsonan Arab: Kajian kes di sekolah rendah. *Journal Global Business and Social Entrepreneurship*, 2, 122–138.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. 2021. Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 7(2), 1–11.